

Terima Kasih Malaysia

UUM- 27/2/2007

BANDA ACEH 26 Feb. - Penduduk Aceh mengucapkan terima kasih kepada Malaysia yang telah banyak berjasa dan memberi bantuan untuk membangunkan kembali wilayah ini yang hampir musnah dilanda tsunami pada penghujung tahun 2004.

Gabenor Aceh, Ir. Irwandi Yusof berkata, Malaysia adalah negara yang paling cepat menghulurkan bantuan bukan sahaja dari segi kewangan, tetapi meliputi perubahan, sukarelawan, penyelamat dan sebagainya.

"Kita memandang tinggi bantuan yang diberikan serta keprihatinan pemimpin Malaysia yang tak putus-putus berkunjung ke Aceh bagi melihat perkembangan wilayah ini," katanya dalam ucapan di Majlis Konvokesyen Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Pelajar Aceh Ambilan 2006 di Universitas Syiah Kuala di sini, hari ini.

Beliau memberitahu, kehadiran Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak serta bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ke Aceh selepas tsunami menunjukkan rasa kepekaan mereka terhadap kesengsaraan Aceh.

Irwandi menambah, Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein pula sempat berkunjung dan bersama-sama menyambut Hari Raya Aidiladha di Aceh pada tahun lalu.

"Beliau yang sanggup meninggalkan keluarga dan beraya bersama kami telah dipandang tinggi oleh penduduk Aceh," katanya.

Malaysia, kata beliau, telah banyak memberi bantuan bukan sahaja membangunkan sekolah, masjid, rumah anak-anak yatim tetapi juga turut membangunkan modal insan penduduk wilayah tersebut.

Aceh, kata Gabenor itu, memiliki sumber mentah yang banyak tetapi sayangnya masih belum diterokai kerana kekurangan modal insan akibat bencana tsunami.

Sehubungan itu, beliau meminta Malaysia melatih guru-guru Aceh dalam bidang teknikal dan kejuruteraan kerana percaya dengan cara itu kekayaan sumber semula jadi di wilayah tersebut akan dapat diterokai oleh rakyat tempatan.